



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan  
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)  
JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PELAJARAN KANAN  
JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.15 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan / Pengurusan / Pentadbiran Awam atau dalam bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.  
ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah:
  - i) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
4. Mempunyai laporan pernilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Penolong Pengarah / Ketua Bahagian terutama dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan, pengendalian dan pengawasan kerja-kerja di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan;
2. Bertanggungjawab dalam tugas-tugas merancang, mengawas, menyelaras dan memantau projek-projek penyelidikan serta melaksanakan kajian-kajian di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan;
3. Bertanggungjawab dan memantau dalam pengumpulan, penyusunan dan penyediaan serta penyemakan data dan maklumat pendidikan;
4. Merancang, memantau dan memproses sistem Jabatan Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, termasuk keperluan kursus-kursus latihan dan sebagainya; dan
5. Melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan oleh Pengarah dan Penolong Pengarah di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan.